



Kenyataan Media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

GARIS PANDUAN FASA PERALIHAN BAGI FASILITI-FASILITI SUKAN TERTUTUP (*INDOOR*), PUSAT-PUSAT BOLING, FASILITI SUKAN LUAR (*OUTDOOR*); *GYM* DAN *FITNESS CENTRES*; KOLAM RENANG; PADANG GOLF; MUZIUM-MUZIUM, GALERI-GALERI PAMERAN DAN PERPUSTAKAAN; DAN PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS BERMULA 19 NOVEMBER 2021.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan mengenai pembukaan semula fasiliti dan premis yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian ini iaitu fasiliti-fasiliti sukan awam dan swasta; Muzium-Muzium; Galeri-Galeri Pameran; Perpustakaan dan Pusat-Pusat Kegiatan Warga Emas di seluruh negara susulan Kenyataan Media Jabatan Perdana Menteri pada hari Selasa, 4 Rabiulakhir 1443 bersamaan 9 November 2021 bagi mengumumkan permulaan Fasa Peralihan dibawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 pada hari Jumaat, 14 Rabiulakhir 1443 bersamaan 19 November 2021.

Dengan berdasarkan Garis Panduan Fasa Peralihan tersebut, kesemua fasiliti dan premis yang tersebut dijadualkan akan beroperasi semula bermula **hari Jumaat, 14 Rabiulakhir 1443 bersamaan 19 November 2021**. Secara amnya, fasiliti dan premis berkenaan hanya akan dibenarkan untuk beroperasi dengan **50% kapasiti atau maksima 200 orang pengguna dan petugas dalam satu masa**; hanya individu yang mendapatkan **vaksin penuh serta mempunyai kod *BruHealth* berwarna hijau atau kuning** dibenarkan bertugas dan menggunakan fasiliti; semua pengunjung **dimestikan memakai sungkup muka (*face mask*) pada setiap masa kecuali ketika melakukan senaman atau kegiatan fizikal dengan mengamalkan penjarakan sosial**; dan fasiliti hendaklah sentiasa bersih. Turut dikongsikan premis dibawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan beroperasi mengikut waktu kerja dan waktu yang مخصوص pada hari Jumaat dan Ahad manakala, fasiliti milik swasta dibenarkan untuk beroperasi mengikut waktu yang ditetapkan.

Butiran lanjut bagi setiap jenis premis dan fasiliti adalah seperti berikut:

1. **Fasiliti sukan tertutup (*indoor*) dan fasiliti sukan luar (*outdoor*)**
 - a) Tempoh penggunaan fasiliti **tidak dihadkan**;
 - b) Penggunaan adalah dibenarkan bagi sukan ***single*, *double*** atau ***pair sports*** dan ***non-contact artistic sports***. Manakala, **sukan berpasukan tidak melebihi 15 orang** adalah dibenarkan bagi menjalani latihan sahaja dimana, pertukaran atau percampuran pemain adalah dibenarkan;

- c) Secara amnya, aktiviti yang melibatkan *physical contact* dan perkongsian peralatan adalah **dibenarkan secara minima** manakala *Contact Sports* adalah dibenarkan bagi sesi latihan sahaja **tanpa melibatkan latihan sparring**;
- d) Disamping itu, sukan **Tenpin Bowling** dibenarkan bagi **empat (4) orang setiap lorong** dengan penggunaan *house ball* dan *house shoe*. **Para pemain turut dikehendaki untuk sentiasa memakai sungkup muka**; dan
- e) Secara keseluruhannya, penganjuran *Organised Sports* atau sebarang kejohanan **adalah belum dibenarkan**.

2. Gym dan Fitness Centre

- a) Tempoh penggunaan **tidak dihadkan**; dan
- b) Hanya dibukakan kepada ahli-ahli yang berdaftar melalui **tempahan awal (*pre-booking*)**.

3. Kolam-kolam renang

- a) Tempoh penggunaan dihadkan kepada **2 jam sahaja bagi setiap pengguna**; dan
- b) Masa beroperasi adalah seperti berikut:

8.00 pagi hingga 10.00 pagi.
10.00 pagi hingga 12.00 tengahari (Kecuali hari Jumaat sehingga jam 11:30 pagi).
2.00 petang hingga 4.00 petang (Kecuali hari Jumaat dari jam 2:30 petang).
4.00 petang hingga 6.00 petang.

4. Padang Golf

- a) Dibukakan kepada ahli-ahli yang berdaftar secara **tempahan awal (*pre-booking*)**;
- b) Setiap *flight* dibenarkan bagi **4 orang pemain** dan penggunaan **1 buah *buggy* bagi 2 orang penumpang**; dan
- c) Para pemain turut dikehendaki untuk **sentiasa memakai sungkup muka**.

5. Muzium-Muzium, Galeri-Galeri Pameran dan Perpustakaan

- a) Beroperasi seperti biasa iaitu pada setiap hari waktu bekerja yang ditetapkan pada masa ini iaitu **jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang**; dan
- b) Jumlah pengunjung yang dibenarkan masuk bagi setiap premis akan dipamerkan di pintu masuk premis masing-masing mengikut kapasiti ruang.

6. Pusat-Pusat Kegiatan Warga Emas

- a) Semua aktiviti dan program dalaman (*indoors*) dan luar (*outdoors*) pada kadar kapasiti **50% atau maksima 200 orang adalah dibenarkan** dengan mematuhi Langkah-Langkah Pengawalan termasuk penggunaan sungkup muka pada setiap masa; mengelakkan sentuhan fizikal; membersihkan tangan sebelum dan selepas menjalankan aktiviti; dan penyediaan makan dan minuman hanya dalam bentuk bungkus (tapau); dan
- b) Jumlah pengunjung yang dibenarkan masuk bagi setiap premis akan dipamerkan di pintu masuk premis masing-masing mengikut kapasiti ruang.

Turut dimaklumkan kepada orang ramai bahawa Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dan Pusat-Pusat Orang Kelainan Upaya belum boleh beroperasi pada Fasa Peralihan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembersihan dan pentadbiran adalah dibenarkan mengikut Langkah-Langkah Pengawalan am yang dinyatakan tadi.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah merujuk kepada garis panduan yang terperinci yang telah disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan dengan melayari laman sesawang www.kkbs.gov.bn atau www.jpm.gov.bn.

Dalam kesempatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada para sukarelawan daripada pelbagai peringkat masyarakat dan agensi yang menyumbangkan tenaga yang amat bernilai dari awal hingga sekarang. Ini termasuk seramai **6,830** individu yang telah berdaftar di bawah inisiatif Sukarelawan Belia yang ditugaskan di lebih dari **90 lokasi** di seluruh negara.

Turut dibanggakan bahawa sejak mula beroperasi pada 9 Ogos 2021, para sukarelawan yang ditempatkan di Pusat-Pusat Agihan Catuan Makanan telah menghantar catuan makanan kepada **103,793 individu** yang menjalani Perintah Kuarantin di **18,552 buah rumah** di seluruh negara setakat hari Isnin, 15 November 2021.

Disamping itu, inisiatif Sumbangan Pandu Lalu di Stadium Negara Hassanal Bolkiah telah berjaya mengumpulkan hampir **57,000 barangan asasi** sumbangan orang ramai dan telah dihulurkan kepada **2,687 pemohon** yang merangkumi **16,128 individu** di keempat-empat daerah.

Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengurniakan balasan yang setimpal dengan pengorbanan semua pihak. Semoga kita sentiasa diberikan kerahmatan, perlindungan serta nikmat kesihatan yang berpanjangan.

Dikeluarkan oleh:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
E-mel: Info@kkbs.gov.bn
Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn
Instagram: @kkbs_brunei
Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

- TAMAT -